

Cherita

SI-GEMBANG



Siri Klasik DBP Bil. 2.

CHERITA SI-GEMBANG

Di-usahakan Oleh:

Nik Maimunah binti Yahya

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu
Kuala Lumpur
1962

編貴益珍藏
Kelchul Yang Quen Yin

CHETAKAN PERTAMA 1962

(Hak Penerbit Terpelihara)

Di-cetak oleh:
Lai Than Fong Press,
Kuala Lumpur.

Harga-nya: \$1.00

ISI-NYA

Muka Surat

- | | | | | | | | |
|--|---|---|---|---|---|---|-----|
| 1. Kata Pengantar | - | - | - | - | - | - | v |
| 2. Pendahuluan | - | - | - | - | - | - | vii |
| 3. Pengenalan Watak | - | - | - | - | - | - | xi |
| 4. Cherita Si-Gembang: | | | | | | | |
| (i) Tuan Bongsu Megat Si-Gembang | - | - | | | | | 1 |
| (ii) Si-Gembang Dalam Pembuangan | - | - | | | | | 10 |
| (iii) Harimau Mandul Anak Sa-ekor | - | - | | | | | 14 |
| (iv) To' Raja Lang | - | - | - | - | - | - | 16 |
| (v) Seri Nara Kena Pedang | - | - | - | - | - | - | 19 |
| (vi) Berlaga Ayam Bertaroh Negeri | - | - | | | | | 22 |
| (vii) Si-Gembang Menang Bertikam | - | - | | | | | 29 |
| (viii) Mengembara Dengan Awang Selamat | - | | | | | | 33 |
| (ix) Balek Ka-Negeri Kelantan | - | - | - | - | - | - | 40 |

KATA PENGANTAR

Sa-bagai melanjutkan usaha² Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menyelideki hasil² sastera lama Melayu, maka ini-lah siri kelasik DBP yang ketiga di-persembahkan kapada pembacha².

Sa-hingga ini dapat-lah di-katakan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat menchapai sadikit sa-banyak kejayaan dalam usaha-nya mengenai jurusan ini dan sekarang Dewan ini sedang menyiapkan beberapa buah buku lagi untuk memenohi siri² kelasik DBP. Meski pun demikian, Dewan ini sentiasa mengharapkan dari pembacha² dan peminat² sastera lama Melayu supaya menghulorkan sumbangan dan bantuan dengan meminjamkan naskhah² lama sastera Melayu yang ada dalam milek tuan² dan puan² atau berita² mengenai-nya, supaya dengan demikian dapat di-teruskan usaha mengumpul dan menyelideki-nya.

Dewan ini sangat-lah terhutang budi di-atas kerja-sama menepati sa-bagaimana yang di-maksudkan itu demi memenohi bidang kesusasteraan Melayu kita supaya dapat kiranya menchapai taraf yang sama dengan kemajuan dan darjah kesusasteraan bahasa² lain.

Patut rasa-nya saya sebutkan di-sini ia-itu buku ini ialah hasil dari suatu cherita yang di-tutorkan oleh sa-orang "to' Selampit" di-Kelantan dan telah di-rakamkan oleh

pehak Dewan ini. Rakaman ini telah di-suratkan dan di-susun kepada bentuk yang ada ini oleh Nik Maimunah binti Yahya, sa-orang mahasiswa Universiti Malaya, ia-itu pada masa ia-nya berkhidmat sementara di-Dewan ini.

SYED NASIR BIN ISMAIL,
Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

P E N D A H U L U A N

Cherita² penglipor lara, ia-itu cherita² dari jenis yang di-tutorkan ada-lah satu² daripada hasil kesusasteraan Melayu Lama. Dengan ada-nya cherita² penglipor lara ini-lah maka satu kajian tentang masyarakat lama dapat di-adakan. Tetapi sayang kebanyakan daripada cherita penglipor² lara yang kita dapati hari ini telah banyak hilang sifat keasliannya — oleh kerana cherita² itu telah melalui proses tokok tambah, menurut sedap orang yang menutorkannya yang mana dengan sendiri-nya hilang-lah sifat keaslian sejati. Proses tokok tambah ini bukan-lah satu perkara yang menghairankan kita, kerana sudah menjadi satu gejala umum bahawa peredaran zaman akan membawa bersama²-nya perubahan.

Cherita Si-Gembang ini bukan-lah satu cherita yang pertama kali-nya di-rakamkan. Terlebih dahulu daripada ini satu kajian ilmiah telah pun di-buat oleh saudara Abdul Rahman Haji Arshad. Ia telah membuat satu karangan thesis tentang Si-Gembang bagi memenuhi keperluan kelulusan B.A. (Hons.) dalam pengajian Melayu di-Universiti Malaya. Walau pun kedua² cherita ini dan kajian-nya ada mencheritakan kesah Si-Gembang tetapi di-antara kedua²-nya itu ada terdapat sedikit sa-banyak perbedzaan. Kemungkinan lahir-nya perbedzaan² ini ia-lah daripada berlainan penglipor² lara yang chuba bercherita dari segi perasaan dan kepintaran masing² untok menarek perhatian dan kepuasan hati pendengar²-nya.

Satu daripada perbedzaan itu ia-lah tentang nama² orang dan nama² tempat. Mithal-nya dalam cherita Sdr. Abdul Rahman puteri Sa-andang Dewi — bonda Megat Si-Gembang di-namakan Mani Ura (mungkin Manik Urai) dan Paduka Seri Nara pula di-sebut-nya Tok Raja Berdura. Pendek-nya kebanyakan daripada nama² itu sangat-lah berlainan dengan nama² dalam cherita ini begitu juga pada nama² tempat. Negeri Sa-Gedong Dua mithal-nya tidak di-sebutkan, malah di-panggil-nya Telok Bidong Kota Lama.

Sa-lain daripada nama² itu, ada juga sedikit penerangan yang berkaitan dengan cherita itu yang di-dapati berlainan. Raja Alun Tujoh umpama-nya di-katakan anak angkat malahan dalam cherita ini ia ada-lah anak kandong Seri Nara. Asal usul Awang Selamat tidak di-jelaskan sama sa-kali tetapi pada kajian thesis Sdr. Abdul Rahman pula Awang Selamat itu konon-nya berasal daripada tembuni Megat Si-Gembang.

Lagi pun tentang orang yang memberi nama Si-Gembang itu, pada cherita ini nama Si-Gembang itu telah di-berikan oleh Nujum yang Tujoh bukan-nya oleh To' Raja Lang. Pada akhir cherita thesis Sdr. Abdul Rahman itu terdapat pula satu perbedzaan di-mana Megat Si-Gembang ada di-dapati menghukum sakalian yang salah, tetapi dalam cherita ini Si-Gembang di-sebutkan sa-bagai sa-orang yang sedia mengampuni segala kesalahan.

Dalam kajian thesis Sdr. Abdul Rahman juga kesah Puteri Mani Ura (Manik Urai) bonda Megat Si-Gembang tidak di-terangkan dengan sa-bagitu jelas saperti yang sa-patut-nya. Dalam cherita ini Puteri Sa-andang Dewi di-khabarkan menderita sementara Si-Gembang terseksa. Di-akhir-nya pertemuan gembira di-antara ibu dan anak yang lama bercherai itu ada di-cheritakan di-mana Si-Gembang membawa bonda-nya tinggal bersama² dengan ibu dan bapa angkat-nya Tuan Puteri Sa-andang Bulan dan To'

Raja Lang. Tetapi pada kajian thesis itu Puteri Mani Ura (Manik Urai) hilang riwayat-nya dengan begitu sahaja sesudah ia melahirkan Megat Si-Gembang. Pembaca² mungkin akan bertanya, apa-kah kesudahan-nya tentang Tuan Puteri Mani Ura? Di-sini kita harus memahamkan bahawa tujuan asasi penglipor lara itu ia-lah mencheritakan segala²-nya yang terjadi pada watak hero itu. Dan dalam menghuraikan kejadian itu dia mungkin lupa akan apa yang terjadi pada watak² lain. Pada-nya watak² lain itu ada-lah seperti watak² tambahan sahaja, dan fungsi-nya ia-lah samata² untok menghidupkan jalinan cherita itu. Mungkin juga ketiadaan kesah Tuan Puteri Mani Ura pada kesudahan-nya itu di-sebabkan terlupa oleh Si-penglipor lara itu.

Pada keselurohan-nya dapat-lah di-katakan bahawa perbedzaan² itu bukan-lah perbedzaan² yang besar — yang boleh memesongkan jalan cherita-nya yang sa-benar. Pada dasar-nya kedua² cherita itu ada-lah sama. Kedua²-nya ada membicharakan tentang sifat asasi kesusasteraan ra'ayat di-mana so'al pengembaraan anak raja ada-lah so'al utama — dan pada Si-Gembang-lah terletak-nya watak utama itu. Lagi pun kita akan dapati bahawa cherita ini ada mengikuti satu chara yang tertentu yang selalu-nya terdapat pada tiap² cherita ra'ayat. Chara ini ia-lah yang berdasarkan kesusahan pada mula-nya di-ikuti pula dengan peperangan. Sa-sudah segala musoh atau kesusahan itu di-atasi, timbul-lah kebahagiaan pada akhir-nya.

Kesimpulan-nya, bahawa Si-Gembang ini ada-lah satu cherita yang chuba membentangkan motif hero — di-mana sa-saorang itu di-anugerahi dengan sifat² kesaktian dan keberanian — yang sanggup menghadapi sa-barang apa kesusahan sa-kali pun. Walau pun pada masa ini cherita² yang seperti ini di-anggap dongeng, tetapi di-sisi masharakat dahulu, ini ada-lah sa-bagus²-nya jadi tuladan yang patut di-pelajari dan di-amalkan oleh sa-tiap anggota masharakat.

PENGENALAN WATAK

- | | | |
|------------------------------------|---|---|
| Tuan Bongsu Megat
Si-Gembang | — | anak pada Paduka Seri Nara dan puteri Sa-andang Dewi. |
| Paduka Seri Nara | — | Raja di-Negeri Tanah Ratang Sa-Gendong Dua. Ayah pada Megat Si-Gembang. |
| Raja Merah
Hulubalang | — | Anak sulong Paduka Seri Nara. |
| Raja Alun Tujoh | — | Anak kedua Paduka Seri Nara. |
| To' Raja Lang | — | Bapa angkat Megat Si-Gembang. |
| Megat Jenal | — | Orang yang masok menyabong di-negeri Sa-Gedong Dua. |
| Megat Sepili | — | Tunang Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor. |
| Puteri Sa-andang
Dewi | — | Bonda Megat Si-Gembang. |
| Puteri Sa-andang
Bulan | — | Bonda Angkat Megat Si-Gembang. |
| Puteri Jagat Jaga
Bintang Timor | — | Sa-orang yang jatuh cinta pada Megat Si-Gembang. Tunang Megat Sepili. |
| Che' Siti Jarum
Bergiling | — | Tuan punya jong yang akhir-nya kahwin dengan Megat Si-Gembang. |
| Mahmud | — | Orang surohan. |
| Mak Harimau | } | Orang2 yang memelihara Megat Si-Gembang dalam masa pembuangan-nya. |
| Mak Berok | | |
| Mak Tuan | | |

I

TUAN BONGSU MEGAT SI-GEMBANG

Maka ada-lah sa-orang Raja di-Tanah Ratang Sa-Gedong Dua bernama Paduka Seri Nara Diraja. Dia mempunyai dua orang anak, yang tua bernama Raja Merah Hulubalang dan adek-nya bernama Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang. Yang tua menjadi Raja dalam negeri Ranting Jatoh Sagedong Dua, adek-nya Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang dudok menjadi Raja Muda dalam Negeri Tanah Ratang Sagedong Dua.

Tersebut-lah kesah di-anjong Lama di-atas balai di-halaman balai, riuh-rendah, gegak-gempita penoh di-hadap oleh kerana puteri Sa-andang Dewi yang rimbit⁽¹⁾ 7 bulan akan bersalin. Bersekali di-situ ada juga Raja Merah Hulubalang. Kata isteri Raja Merah Hulubalang, menantu Seri Nara Di-raja.

"Ayah kaseh tidak, sayang ayah sayang tidak,
Kalau ayah kaseh saya, sayang saya,
Adek dalam rimbitan bonda,
Beri kepada saya di-peliharakan,
Kerana saya berlaki bini dengan abang Raja Merah
Hulubalang ta' dapat anak.
Harap di-hati hendak pelihara adek."

Maka di-kata Paduka Seri Nara,

(1) *rimbit* — mengandong

"Macham ini hendak pelihara adek dalam rimbitan bonda.

Mana dina⁽²⁾ di-letak, dina orang darati⁽³⁾.

Maka lama dudok lalu mereka pun bersembah pulang.

Sa-telah itu Paduka Seri Nara pun memanggil anak-nya Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang kata-nya,

"Pada saya anak, kaseh anak pada saya,

Sila-lah anak ya,

Kerana ayah hendak tanya khabar cherita dalam neraka bala dengan petaka.

Silakan anak pergi panggil

Wa' Nujum Tujoh Angka Suara

Na' tahu adek dalam rimbitan bonda, tuah di-antara tidak.

Tanya batu-kah tanya batang?

Jawab kata Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang:

"Molek juga ayah, chomel juga ayah, kerana sebab hendak tahu."

Maka Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang pun dengar getek⁽⁴⁾ jalan getek pergi jumpa Nujum Tujoh Angka Suara. Sa-telah sampai lalu berkata Nujum Tujoh Angka Suara,

"Bagaimana Raja?

Nampak-nya peloh pela⁽⁵⁾ sahaja

Menuju mari ka-rumah pachal patek?"

Jawab kata Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang,

"Saya hendak membuka surat kerja nak tahu adek dalam rimbitan bonda Tuah di-antara tidak."

(2) *dina* — hina.

(3) *darati* — darat.

(4) *getek* — pelat Kelantan bererti sedikit.

(5) *peloh pela* — satu expression Kelantan yang menentukan suasana sibok.

Maka lalu Wa' Nujum Tujoh Angka Suara pun kelihatan mengambil berat akan nujum lalu di-buka sa-lapis gelap, sa-lapis cerah, sa-lapis lepas sa-lapis tidak berkata², tiba², berkata mereka,

"Di-harapkan ampun beribu ampun,
Tanam dalam, gantong tinggi, jual jauh, gunung
api mati sama sa-hari,
Adek dalam rimbitan bonda tuah kalau na' amat
tuah 40 buah mati negeri.
Adek-beradek saling sa-buah ta'alok bawah tapak
kaki dia belaka.

Jawab Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang,

"Ya Wa' Nujum Tujoh Angka Suara,
Kalau Wa' Nujum jumpa ayah saya,
Wa' kata chelaka anak,
Ta' boleh taroh dalam negeri,
Kalau taroh dalam negeri, negeri na' kebakaran,
Karam tiada berayer,
Bakar tiada berapi,
Kata deras api makan negeri,
Deras api makan kapas,
Deras api makan negeri tawanan."

Sa-lepas itu Raja Alun Tujoh pun berangkat balek, dan sa-sampai-nya, di-halaman balai, berkata ia kepada Mahmud,

"Ya Mahmud, pada saya sila-lah Mahmud pergi panggil Wa' Nujum Tujoh Angka Suara."

Jawab Mahmud,

"Pergi Patek, ini-lah jari di-hulorkan."

Sadikit berjalan banyak berlari, Mahmud pun pergi-lah memanggil Nujum Tujoh Angka Suara ka-halaman balai. Maka sa-bentar lagi Nujum Tujoh Angka Suara pun dengar getek jalan getek pergi lintas balai halaman balai. Maka

di-atas balai halaman balai berjumpa mereka sakalian dengan Paduka Seri Nara. Lalu Nujum Tujoh Angka Suara pun membuka surat nujum, buka sa-lapis gelap gelmat⁽⁶⁾ sa-lapis cherah, sa-lapis lepas sa-lapis tiada berkata², sa-jurus kemudian berkata mereka,

“Oh alah! ghalib-nya⁽⁷⁾ tualang⁽⁸⁾ siapa beribu,
Apa juma'ah⁽⁹⁾ berjuma'ah,
Kata sini, jual jauh, sana dalam,
Bunoh mati sama sa-hari,
Fasal anak tuanku dalam rimbitan bonda,
Chelaka selalu-nya amat chelaka,
Negeri nak kebakaran kalau taroh anak dalam
negeri,
Negeri na' jadi padang jarak padang tekukor,
bakar tiada berapi.”

Sa-lepas itu Mahmud pun menolong Nujum Bongsu membuka surat nujum-nya lalu berkata Nujum Bongsu,

“Anak tuanku tuah terlalu amat tuah,
Maka negeri 40 dia ta'alok, adek-beradek,
bawah tapak kaki dia,
Gedong emas perak dia ta'alok.”

Maka jawab Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang,

“Bagaimana ayah?
Hak⁽¹⁰⁾ sa-orang kata bertuah.
Hak enam kata chelaka?
Mana baik kita turut hak enam,
Kalau ta' betul sa-orang betul sa-orang,
Ta' betul sa-orang betul sa-orang,

-
- (6) *gelmat* — (Kltin.) — terlampau gelap.
(7) *ghalib* — lazim.
(8) *tualang* — bersiar.
(9) *juma'ah* — Ar. perkumpulan.
(10) *hak* — dalam kontex ini berma'ana yang.

Hak sa-orang, kalau turut belot sa-orang, maka
belot so'omor-lah⁽¹¹⁾."

Sa-sudah dudok genap di-anjong lama Tuan Puteri
Sa-andang Dewi pun mulai sakit terok lalu di-panggil-nya
inang,

"Ya inang,

Pergi royat⁽¹²⁾ ka-abang saya di-atas balai halaman
balai

Pergi juga royat ka-anak saya Raja Alun Tujoh
Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang.

Kata saya sakit terok — dalam perut.

Dari dalam anjong bumi istana sakti, Ra'ana
gading mutu ma'nikam,

Bekejar² mati ara ading⁽¹³⁾."

Sa-telah di-dengar-nya oleh inang maka ia pun berjalan
getek dengar getek serta terus pergi ka-atas balai di-hadapan
Paduka Seri Nara Di-raja seraya berdatang sembah,

"Oh Ka' Wan Raja,

Adek dalam rimbitan hampir² na' bersalin gak
Raja,

Bagaimana-kah Raja?"

Titah Paduka Seri Nara,

"Itu-kah ini, ikut molek pandai-mu-lah.

Sebab dia mengandung orang chelaka.

Ia mengandung orang tak bertuah-lah inang."

Sa-lepas itu maka inang pun huggar-lah⁽¹⁴⁾ pergi ka-rumah
anak Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belun-
dang Perang dan berdatang sembah pula.

"Bonda tiri hendak bersalin,

Harap ampun beribu ampun,

Harap ma'af beribu ma'af,

(11) *so'omor* — senantiasa; selalu; sa-umor.

(12) *royat* — khabar.

(13) *ading* — (Jawa) adinda.

(14) *luggar* — lari.

Salam bonda dalam istana minta di-sampaikan
kapada anak,
Kerana dia sakit terok.”

Maka di-jawab Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang
Belundang Perang,

“Buat itu-lah, ini-lah,
Kerana bonda kandong orang chelaka,
Bonda kandong orang ta’ bertuah.”

Sa-telah di-dengar-nya maka inang pun berfikir, bila di-royat
ka-Raja, Raja kata bagitu, royat ka-anak, anak kata bagini.
Maka balek menyembah-lah inang kapada Tuan Puteri
Sa-andang Dewi,

“Ya Duli Tuanku,
Sudah di-royat ka-Paduka Seri Nara,
Dan Paduka Seri Nara kata buat bagitu,
Royat ka-anak, anak kata buat bagitu,
Mereka ta’ peduli — di-suroh fikir dan layan sa-
bagaimana suka.”

Sa-telah di-dengar oleh Tuan Puteri Sa-andang Dewi maka
berkata ia,

“Oh! Adzab tuboh, seksa badan sa-orang,
Datang hati, datang rasa,
Saya menurut laki kerana na’ menumpang laki,
Tinggal ayah tinggal bonda, kampong dengan
rapit⁽¹⁵⁾, di-rapit hamba sahaya,
Molek chomel masok,
Sudah hendak bersalin, sakit perut,
Ta’ patut ta’ dak siapa peduli,
Oh! Tolong-lah inang.”

“Balah⁽¹⁶⁾mana tuanku?”

“Mu pergi-lah panggil, inang,
Bidan Usul, Bidan Asal Bidan Sakti,

(15) *rapit* — dekat.

(16) *balah* — macham atau bagaimana.

Yang dudok bertapa di-Bukit Buloh Gunong
Setong,

Tempat lelabi makan dalam batil⁽¹⁷⁾ emas-lah batil
perak-lah inang."

Maka inang pun dengar titah tuan puteri lalu pergi menchari
Bidan Usul Bidan Asal Bidan Kesaktian yang bertapa di-
Gunong Setong di-Bukit Buloh cherok lelabi makan —
dalam batil emas batil perak. Ia berjalan sa-orang diri —
berjalan di-sagenap jerong⁽¹⁸⁾ lalu sampai-lah ia, di-lihat-
nya Bidan Bongsu sedang dudok bermain² di-tengah jalan.
Sahut Bidan Bongsu,

"Na' ka-mana?

Nampak susah sangat-lah inang?"

Maka jawab di-kata inang,

"Ya tuan hamba,

Apa-kah hendak ismu⁽¹⁹⁾ nama gelaran sakalian
banyak?"

Maka jawab Bidan Bongsu,

"Saya ini-lah yang bernama Bidan Bongsu."

"Oh! Bidan Bongsu,

Tuan Puteri Sa-andang Dewi dalam istana hendak
bersalin,

Maka di-bawa salam-nya,

Kerana di-suroh pergi panggil,

Bidan Kesaktian, Bidan Usul, Bidan Asal,

Kerana dudok saya ta' tahu."

Maka Bidan Bongsu pun di-bawa-nya masok mengadap
ka'Chik, ka'Ngah, ka'Long, ka'Wan ka-dalam. Maka Bidan
Usul, Bidan Asal pun terbit dari pertapaan asal, lalu mandi
berlimau, rokok tiga kali rokok, tahi² mata kededek⁽²⁰⁾
mereka terlalu amat chomel saperti umur 18 tahun, dan

(17) *batil* — sa-jenis bekas ayer.

(18) *jerong* — penjuru.

(19) *ismu* — nama.

(20) *kededek* — (Klitn.) berelaput.

sebaya semua-nya tujuh². Sa-sudah-nya bersiap² maka mereka pun di-bawa-lah inang berjalan masok ka-dalam Istana Tuan Puteri Sa-andang Dewi. Demi di-lihat-nya inang berserta dengan bidan² itu maka bertitah Tuan Puteri Sa-andang Dewi.

“Oh! Bidan,
Tolong-lah saya bidan,
Oh! Sakit saya,
Kalau bidan ta’ tolong, mati saya pada tahun bulan,
Inang,
Tolong pichit saya,
Tolong ramas saya,
Kalau ta’ tolong mati saya pada tahun bulan,
Ya, Bidan,
Bidan tabohkan⁽²¹⁾ dengan kain kusa tilam permaidani,
Ya, Bidan,
Tolong gantungkan tabir lelangit alatan Raja².
Pada bidan 7 orang saya serahkan kerja dalam istana.”

Maka masing² pun ramai-lah dudok pichit dan ramas Tuan Puteri Sa-andang Dewi,

“Adoh! Sakit saya,
Tolong! Bidan tolong!
Tolong! Inang tolong!
Kalau inang ta’ tolong, mati saya tahun bulan ini.”

Sakalian yang melihat dalam istana itu menangis kerana belas kasehan. Tidak berapa lama sa-lepas itu maka bersalin-lah ia sa-orang anak lelaki. Bedil kerajaan pun berbunyi dengan sendiri-nya dan terdengar oleh Paduka Seri

(21) *taboh* — siapkan!

Nara, Jawab di-kata Paduka Seri Nara pada Raja Alun Tujoh.

“Bagaimana anak?

Adek dalam rimbitan sudah bersalin,

Tempat mana kerana mana,

Kerana bedil berbunyi sendiri tiada siapa chuchoh.”

Sa-telah Tuan Puteri Sa-andang Dewi selamat melahirkan anak-nya — maka lalu berkata Bidan Bongsu,

“Ya Bidan ketujoh, letak nama api ismu nama.”

Jawab di-kata Bidan Tua,

“Na’ letak nama apa?”

Akhir-nya Bidan ketujoh dan Bidan Bongsu pun memberi nama Tuan Bongsu Megat Si-Gembang anak Paduka Seri Nara Diraja. Sa-telah sudah Bidan ketujoh² itu pun memohon diri lalu pulang.

II

SI-GEMBANG DALAM PEMBUANGAN

Tersebut pula kesah Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang, sa-telah di-dengar-nya yang ia beradek sa-orang adek lelaki maka terasa ingin pula ia hendak melihat-nya. Lalu pergi-lah ia berhadapan dengan bonda-nya Tuan Puteri Sa-andang Dewi yang sedang meriba Si-Gembang. Maka lalu di-minta arah bonda-nya,

“Ya bonda,
Beri saya adek,
Saya na' pujok, na' gaya, na' timang.”

Tetapi Tuan Puteri Sa-andang Dewi enggan memberinya lalu di-rampas-nya dari ribaan bonda-nya langsung di-bawa-nya ka-Padang Permaisuri dan di-buangkan ka-dalam rumput janggut kelioq — hujan kehujanan panas kepanasan, siang jadi malam, malam jadi siang kata ka-mati ta' mati. Sakalian burong beriak² bersabong² melayang ka-sana sini.

Demi melihat kelakuan Raja Alun Tujoh yang sa-demikian itu, maka bertitah Tuan Puteri Sa-andang Dewi pada inang-nya,

“Ya inang, kepada saya tolong-lah inang,
Sila inang ambil bakul sa-butir pergi ka-Padang
Luas sana, saya fikir anak saya ta' mati, inang !”

Maka lalu inang pun ambil bakul sa-butir terbit ka-Padang Luas, dan di-lihat-nya burong beriak bersabong² dengan sayap dan kepala dan dalam pada itu di-dapati-nya

Tuan Bongsu Megat Si-Gembang terkudip⁽²²⁾ terkuap² dalam rumput janggut keling — lalu di-ambil-nya Tuan Bongsu Megat Si-Gembang di-buboh-nya dalam bakul dan di-tutup-nya dengan puchok kayu-kayan serta di-buboh-nya tangkai lalu di-junjong bawa masuk ka-dalam istana kapada Tuan Puteri Sa-andang Dewi. Demi di-lihat putera-nya kembali maka ia pun bertitah kapada inang-nya,

“Oh! Sila inang pergi panggil budak² 40 orang. Saya hendak mandi anak saya, takut dengar suara Diraja.”

Maka Inang pun di-kerah-nya budak² 40 orang masuk ka-dalam istana. Apabila di-lihat oleh Paduka Seri Nara akan budak² yang ramai itu maka ia pun bertitah pada anak-nya Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang.

“Tengok-lah anak,
Bonda-mu dudok gila memelihara budak².”

Maka berjujuk berderet² budak² penuh di-hadap riuh ramai gegak-gempita di-dalam istana serta dengan jerit-nya. Maka lalu ma' inang pun mengambil Tuan Bongsu Megat Si-Gembang lalu di-mandi-nya. Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun menjerit dan jeritan-nya lant⁽²³⁾ suara dua belas bangsa dua belas ragam dan terdengar-lah pada pendengaran ayah-nya Paduka Seri Nara.

Apabila terdengar sahaja jeritan itu pada To' Paduka Seri Nara maka bertitah ia pada anakanda-nya Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang.

“Ya Anak Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh,
Saperang Belundang Perang.

Bagaimana adek mu?

Kata Tohok⁽²⁴⁾ pada Padang Permaisuri,

(22) *terkudip²* — terkodij².

(23) *lant²* — lanchar — kuat.

(24) *tohok* — champak.

Mati tidak, jolo⁽²⁵⁾ dah adek mu.

Jolo dah, silakan bangat⁽²⁶⁾."

Maka Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang pun huggar getek jalan getek mana jatuh² dalam istana. Di-masa itu Tuan Puteri Sa-andang Dewi tengah dudok memandikan anak-nya, Tuan Bongsu Megat Si-Gembang. Demi di-lihat-nya adek di-ribean bonda maka di-tendang bonda-nya rebah terlentang selak² pengsan ta' khabarkan diri lagi.

Lalu di-ambil oleh Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh akan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang lalu di-hantok-nya di-tiang balai seraya berkata,

"Ya dek bongsu,

Mu ta'alok 40 buah negeri,

Sakalian adek-beradek bawah tapak kaki-mu,

Gedong emas ayah mu-ta'alok,

Gedong perak ayah mu-ta'alok,

Sa-kali ini mu-ta'alok pintu tanah."

Oh ! Di-hantok-nya ka-tiang balai, kata ka-mati ta' mati, lembek keliput⁽²⁷⁾ jadi kain burok lembek saperti telur penyu. Siapa tengok siapa ta' belas, siapa keleh⁽²⁸⁾ siapa ta' kasehan pada Tuan Bongsu Megat Si-Gembang.

Sa-lepas itu maka huggar pula jalan pula Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh hala ka-Kubang Badak dan di-dalam Kubang Badak itu di-humban-nya Tuan Bongsu Megat Si-Gembang. Katakan mati ta' mati seraya berkata:

"Adek bongsu,

Mu ta'alok Padang Permaisuri,

Mu ta' usah ta'alok Tanah Ratang Sagedong Dua,

Mu padan ta'alok Padang Permaisuri ta'alok

Kubang Badak."

(25) *jolo* — ia, betul.

(26) *bangat* — cepat.

(27) *keliput* — expression menunjukkan terlampaui lembek.

(28) *keleh* — lihat.

Sa-telah chukup 3 kali di-humban-nya dan apabila
tunit-nya pun terlindung maka berundur-lah pulang Raja
Alun Tujoh Belundang Tujoh.

III

HARIMAU MANDUL ANAK SA-EKOR

Maka timbul-lah pula kesah sa-ekor harimau beranak muda. Sudah 40 hari 40 malam tidak bertemu makanan. Tidak tertahan lagi lapar dahaga-nya. Maka hunggar-lah ibu dan anak harimau itu ka-Kubang Badak untok meminum ayer. Sa-sampai-nya sahaja mereka terlihat sa-orang budak dudok terbaring di-atas ayer.

Apabila di-lihat sahaja oleh anak harimau, berkata ia pada bonda-nya:

“Ya bonda,
Gulong kuku bonda dengan taring bonda,
Ambil anak manusia beri saya buat main,
Saya na' tumpang² saing⁽²⁹⁾ kerana bonda beranak
so'omor — Harimau mandul anak sa-ekor.”

Maka mak harimau pun berdatang kasehan pada Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, lalu di-ambil dan di-peliharanya dengan penoh kesayangan hinggakan siang jadi malam, malam jadi siang serta di-ajar-nya bersilat gayong.

Sa-bermula maka timbul pula kesah emak berok besar yang diam di-dalam hutan yang berdekatan di-situ. Mak Berok itu ingin berolehkan anak lalu di-suroh Pa' Berok menchari-nya. Di-dalam perjalanan menchari anak itu terjumpa-lah dia dengan Megat Si-Gembang yang sedang bermain² dengan anak harimau. Pa' Berok pun menchuri

(29) *saing* — kawan.

Tuan Bongsu Megat Si-Gembang lalu di-bawa-nya pulang pada Mak Berok di-atas kemunchak pohon kayu jati. Pa' Berok dan Mak Berok pun sangat-lah sukachita-nya lalu di-ajar-nya Tuan Bongsu Megat Si-Gembang berdayong dan melompat di-atas batang kayu di-atas julai kayu chekas ligas⁽³⁰⁾ tidak alang kepalang lagi. Maka Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun besar-lah siang jadi malam, malam jadi siang.

Kebetulan pula di-atas gunong yang berhampiran di-situ ada diam sa-orang perempuan bertapa. Pada suatu hari, sedang dalam pertapaan-nya ia mendapat tahu bahawa di-dalam hutan yang berhampiran dengan gunong pertapaan-nya itu ada sa-orang anak yang di-pelihara oleh berok. Maka lalu melayang-lah ia turun menchuri Tuan Bongsu Megat Si-Gembang daripada Mak Berok lalu di-bawa-nya naik ka-atas gunong. Di-atas gunong itu-lah Tuan Bongsu Megat Si-Gembang di-ajar segala ilmu dan pantun memantun. Sa-bagaimana kaseh sayang Mak dan Pa' Berok akan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, maka sa-bagitu juga kaseh-nya Mak Tuan akan dia; di-turuti segala kehendak Tuan Bongsu Megat Si-Gembang hinggakan siang jadi malam, malam jadi siang, malam ta' tidor, siang ta' makan oleh kerana terlalu kaseh-nya.

(30) *chekas ligas* — pantas.

IV

TO' RAJA LANG

Sedang Tuan Bongsu Megat Si-Gembang berada dalam pemeliharaan Mak Tuan di-atas gunung itu maka timbul-lah di-royat kesah sa-orang Raja di-Negeri Tanah Ratang Bandaran Sembilan, Raja-nya bernama To' Raja Lang isteri-nya bernama Tuan Puteri Sa-andang Bulan. Sejak muda sampai ka-tua tidak pernah beroleh anak.

Tiba² pada suatu malam To' Raja Lang beroleh mimpi lalu di-cheritakan-nya pada isteri-nya Tuan Puteri Sa-andang Bulan.

"Oh adek !

Apa-kah bala petaka-nya adek?

Kerana saya boleh chinchin adek.

Chinchin intan di-pakai tersalut di-jari manis abang,
Bulan penuh purnama jatuh dalam istana, penuh
di-hadap,

Cherah na' di-amat."

Jawab di-kata dek Puteri Sa-andang Bulan,

"Mesti-lah orang na' boleh anak,

Anak yang saleh,

Orang na' boleh anak,

Anak yang bertuah."

Maka jawab Raja Lang,

"Na' boleh anak balah mana lagi?"

Sudah tua bongkok,
Rambut sudah uban,
Gigi sudah golek⁽³¹⁾,
Ta' pernah boleh anak,
Sekarang ini na' boleh anak?"

Jawab di-kata Tuan Puteri Sa-andang Bulan,
"Ya To' Raja Lang,
Pandai bermimpi sahaja,
Mengapa ta' chari anak?"
"Hah! Akan chari anak guana⁽³²⁾
Ba'apa mu ta' beranak?"

Sedang dudok berbalah² bagitu maka jawab Raja Lang,
"Ya, ya, tanak nasi puteh lauk sedap² serba molek.
Kerana abang na' pergi chari anak-lah."

Lalu To' Raja Lang pun mengambil baju layang-nya hendak melayang menchari budak. Lepas sa-buah gunung sa-buah gunung lama² sampai pada satu sa-perenggan gunung, dan terlihat pada To' Raja Lang sa-orang budak di-atas bumi. Dengan serta-merta dia melayang turun menyewah⁽³³⁾ dan di-bawa-nya melayang di-arus yang deras, di-awan yang mendiam diri. Sa-belum di-bawa-nya melayang ka-atas Tuan Bongsu Megat Si-Gembang telah menchapai sa-ekor ayam pada tangan kiri-nya dan sa-bilah pedang pada tangan kanan-nya. To' Raja Lang membawa-nya pulang ka-Negeri Tanah Ratang Bandaran Sembilan.

Sa-sampai-nya pulang maka Tuan Puteri Sa-andang Bulan pun terbit tengok menyambut, tetapi kata To' Raja Lang,

"Di-mana anak?
Mu pergi chari-lah.

(31) *golek* — gugor
(32) *guana* — macham mana
(33) *menyewah* — menyambar

Aku na' pergi ambil di-mana?
Mengapa mu tak beranak?"

Tinggal-lah mereka berdua berbalah² — tiba² terdengar
satu suara menyampok,

"Ya bonda, jangan mureh⁽³⁴⁾ ka-ayah,
Ya bonda, jangan hambat ayah,
Ya bonda, jangan tibang⁽³⁵⁾ ayah,
ini-lah bonda anak,
Kerana bonda pergi chari sa'ani⁽³⁶⁾."

Maka tidak terhingga lagi suka-nya Tuan Puteri Sa-andang
Bulan lalu di-dukong dan di-kelek-nya serta di-panggil-nya
inang² yang banyak di-suroh-nya mandikan berlimau, di-
bedakkan dengan bedak halus bedak kasar akan Tuan
Bongsu Megat Si-Gembang. Bagitu-lah suka-nya oleh
kerana ia tidak pernah memperolehi anak.

Apabila Tuan Bongsu Megat Si-Gembang telah besar
selalu dia pergi ka-Padang Luas, pergi mengambil padi
renek⁽³⁷⁾ nak di-beri makan ka-ayam-nya.

(34) *mureh* — (Kltn.) marah.
(35) *tibang* — pukul.
(36) *sa'ani* — sa-kejap tadi.
(37) *renek* — kecil.

V

SERI NARA KENA PEDANG

Maka tersebut-lah pula kesah Paduka Seri Nara Diraja, ada terdengar tentang chantek paras Tuan Puteri Sa-andang Bulan isteri To' Raja Lang. Niat-nya hendak merampas Tuan Puteri Sa-andang Bulan untok di-peristerikan. Maka ia pun menyuruh Mahmud kerah sakalian Temenggong, Perdana Menteri dan hulubalang untok pergi melanggar negeri To' Raja Lang. Mahmud pun mengerahkan segala yang di-suruh, dengan riuh-rendah, gegak-gempita. Manakala telah siap Baginda Seri Nara Diraja pun mengenderailah gajah serta di-iringkan oleh panglima, hulubalang dan bala tentera. Maka sampai-lah angkatan itu di-tengah Padang Luas. Sa-sampai-nya terlihat mereka akan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, lalu di-perentahkan oleh Paduka Seri Nara kepada gembala gajah.

"Ya gembala gajah, milek gajah,
jijak budak itu."

Melihat orang² ramai itu Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun bertanya,

"Hah! Riuh orang tua,
Megah sungguh orang tua,
Na' pergi hala ka-mana?
Ramai sangat-lah."

Maka jawab gembala gajah,

"Saya na' pergi dalam negeri To' Raja Lang,
Na' pergi ambil bini To' Raja Lang,
Kerana Raja saya ta' dak berbini."

Jawab Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,
"Ba'apa tak pergi ikut jalan lain?
Belana⁽³⁸⁾ luas litar⁽³⁹⁾ pada jalan saya ini."

Jawab gembala gajah,
"Budak ini orang suruh beraleh,
tak beraleh,
Nanti di-jijak gajah."

Maka jawab Tuan Bongsu,
"Fe'el hudoh
Na di-kata fe'el hudoh — orang tua."

Jawab gembala gajah,
"Keras keng budak ini."

Jawab Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,
"Ta' keras ba'apa keng tulang."

Kata gembala gajah,
"Hai petah sungguh budak ini,
Mulut orang kata bagitu — kata bagitu."

Jawab Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,
"Tak petah ba'apa mak ajar siang malam."
"Gajah hanlang⁽⁴⁰⁾ budak ini" kata gembala gajah,
"Orang kata bagitu jawab bagini."

Jawab Tuan Bongsu,
"Ta' hanlang ba'apa makan nasi siang malam."

Maka melihat itu Paduka Seri Nara pun berasa panas hati melihat budak keras akal, keras perut, hanlang, petah mulut, lalu di-chekong⁽⁴¹⁾-nya pedang lalu di-panchong-nya ka-kiri elak ka-kanan, panchong ka-kanan elak ka-kiri, panchong ka-kiri elak ka-atas, panchong ka-atas lalu Tuan Bongsu Megat Si-Gembang naik atas batang lalu lompat turun seraya berkata Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,

(38) *belana* — (Kltu.) banyak.

(39) *litar* — terlalu luas, sa-keliling.

(40) *hanlang* — hundalan.

(41) *chekong* — hunsu.

“Ya, ya, Raja — chekak (42) tidak Raja?
Kalau chekak saya na’ belajar memanchong
getek-lah.”

↳ Terdengar itu maka murka-lah Paduka Seri Nara, lalu di-kesong pedang-nya dan berlaku-lah pula peperangan yang hebat di-antara Paduka Seri Nara dan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang. Tuan Bongsu Megat Si-Gembang mengesong pedang-nya yang besar lidah ayam itu lalu di-panchong-nya ka-kiri elak ka-kanan, panchong ka-kanan elak ka-kiri, lepas itu panchong ka-atas, lompat naik masuk ka-bawah. Tetapi Paduka Seri Nara telah tersilap gaya dan langkah, maka terkena-lah pada sa-belah kening, sa-belah hidong, sa-belah misai-nya dan habis terkerat. Dengan itu titah Paduka Seri Nara dengan marah-nya,

“Hilir Mahmud,
Na’ pergi buat apa lagi?
Kita pergi saperti na’ letak denak,
Di-jual di-negeri Tuan Puteri Sa-andang Bulan,
Dah kening habis sa-belah,
Dah misai habis sa-belah,
Dah hidong habis sa-belah,
Maka mari-lah kita pergi balek.”

Maka sakalian-nya pun menurut perintah Raja lalu pulang ka-negeri Sa-Gedong Dua!

(42) *chekak* — larat.

VI

BERLAGA AYAM BERTAROH NEGERI

Maka timbul-lah pula kesah Megat Jenal hendak masuk menyabong ayam di-Negeri Sa-Gedong Dua. Sa-telah di-ketahui oleh Paduka Seri Nara, maka bertitah ia pada Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh, Saperang Belundang Perang,

“Ya Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh,
Saperang Belundang Perang,
Mu sambut angkatan Megat Jenal-lah,
Megat Jenal na’ masuk dalam negeri
Tanah Ratang Sa-Gedong Dua,
Na’ masuk berlaga ayam,
Na’ bertaroh negeri.”

Maka di-jawab Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh, Saperang Belundang Perang,

“Mari kita bersabong ayam,
Bertaroh gedong perak gak.”

Maka lalu Raja Alun Tujoh pun pergi mengambil padi sa-tempurong, di-higap⁽⁴³⁾-nya ayam di-bawah rumah untuk berlaga dengan ayam Megat Jenal dengan bertarohkan gedong perak ayah. Malang-nya bagi Raja Alun Tujoh, ayam-nya kalah, maka di-ambil-nya pula sa-ekor ayam lagi, dan di-pertarohkan-nya pula gedong emas ayah-nya. Tetapi sa-kali ini kalah juga Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang.

(43) *higap* — tangkap.

Maka Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh pun termenong seraya berfikir dalam hati-nya, gedong emas sudah boleh ka-orang, gedong perak sudah boleh ka-orang,

“Melihat itu maka bertitah Paduka Seri Nara,

“Ya anak, Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh,

Saperang Belundang Perang,

Sila anak pergi ka-rumah kakak

Pada diri-mu, Raja Merah Hulubalang,

Yang dudok jadi Raja dalam Negeri Ranting Jatoh,

Ah! Kerana gedong emas ayah sudah boleh ka-

Megat Jenal,

Gedong perak ayah sudah boleh ka-Megat Jenal

Na' sabong sudah nama sa-kali na' sabong.”

Maka Raja Alun Tujoh pun bermohon-lah pergi mengadap abang-nya Raja Merah Hulubalang, dan apabila sampai berkata ia,

“Adinda dalam susah,

Ta' boleh pada ayah kapada kakanda,

Hajat na' minta ayam arah kakanda,

Hendak buat menyabong.

Kerana sama sa-hari menyabong, gedong emas ayah sudah boleh ka-Megat Jenal,

Gedong perak ayah sudah boleh ka-Megat Jenal,

Megat Jenal hendak bersabong,

Na' bersabong bertarohkan negeri pula.”

Tetapi jawab Raja Merah Hulubalang,

“Ya adek,

Bagaimana adek dalam rimbitan bonda,

Besar mana adek?

Tinggi mana gak?

Kerana masa dulu kanda na' pelihara,

Na' jadi ayah gak adek,

Ya datang hati, ayah

Datang rasa, adek,

Salam sa-patah ta' sampai ka-ka'Wan,

Surat sa-puchok ta' sampai ka-ka'Wan.

Harap-nya, ka'Wan,
 Hajat na' pelihara adek,
 Usahkan anak sendiri, adek-beradek pun ta' boleh
 pelihara,
 Harap-nya ka'Wan,
 Ka'Wan taroh lembu sa-kandang,
 Kerbau sa-kandang,
 Itek sa-reban,
 Ayam beraga²,
 Hajat na' masok jawi adek, adoh!!
 Harap-nya ka'Wan, — saperti keris kechil, keris
 besar,
 Beneh kechil beneh besar,
 Bulan kechil, bulan besar,
 Dukong kechil dukong besar."

Pada isteri-nya, Raja Merah Hulubalang pun berkata,
 "Pada abang silakan adek tanak nasi puteh lauk
 sedap²,
 Kerana abang na' pergi chari ayam,
 Kalau ta' dapat ayam, abang ta' balek,
 Dalam negeri bersama² dengan adek,
 Kalau kalah negeri Tanah Ratang,
 Sa-Gedong Dua, negeri ayah, dek,
 Mari sampaikan kepada abang dek."

Maka Tuan Puteri pun tanak nasi puteh lauk sedap²
 serba molek, makan sa-mulut, sampai dua tiga menolak
 sudah. Lalu di-ambil-nya kad pelemah (sa-jenis azimat)
 di-buboh-nya dalam ikat pinggang hendak pergi berjalan
 menchari ayam baik. Maka pergi-lah ia sikit berjalan
 banyak berlari, langsung sampai ka-Negeri To' Raja Lang,
 dan di-dapati-nya To' Raja Lang mempunyai ayam sabong
 yang memakan padi ketam sendiri dan tempat tidor chang-
 gong emas changgong perak.

Sa-telah sampai Raja Merah Hulubalang pun di-ajak
 masok ka-tengah balai penghadapan Raja Lang. Tuan
 Bongsu Megat Si-Gembang pun ada berdiri terhachang

di-atas balai itu, seraya berkata,

“Sila abang,

Sila dudok atas balai halaman balai,

Sila abang makan sيره sa-piak biar sampai dua
tiga.”

Sa-bentar lagi Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun
masuk ka-dalam dan berkata ia kapada inang,

“Silakan inang, tanak nasi puteh serba molek,

Lauk sedap²,

Saya na' beri makan orang baru datang ka-balai
halaman balai.”

Maka inang pun kekok kekak geguk gegak⁽⁴⁴⁾ buat
makan di-dapor tersangat heboh, hinggakan terkejut Tuan
Puteri Sa-andang Bulan daripada beradu, seraya berkata ia
dengan murka-nya,

“Orang na' tidor ta' boleh,

dudok buat kerja ko'ser⁽⁴⁵⁾.”

Maka jawab inang,

“Ampun beribu ampun,

Fasal anakanda suruh masak nasi puteh lauk sedap²,
serba molek,

Na' angkat kapada orang baharu datang ka-balai
halaman balai.”

Sa-telah di-dengar-nya itu maka hilang-lah marah Tuan
Puteri Sa-andang Bulan, lalu dia sendiri menyediakan
makanan banyak basa⁽⁴⁶⁾. Sa-sudah siap maka di-angkat-
lah terbit ka-hidangan, seraya berkata Tuan Puteri Sa-andang
Bulan,

“Sila abang,

Sila makan nasi sa-mulut dua,

Sampai tiga mulut.”

(44) *kekak kekak* — expression menunjukkan kesibokan.
geguk gegak

(45) *ko'ser* — sia².

(46) *basa* — jenis.

Maka Raja Merah Hulubalang pun makan sa-mulut dua, tiga menolak sudah. Sementara itu Tuan Bongsu Megat Si-Gembang bertanya khabar.

"Ya, ya, abang,
Abang mari dari negeri mana?"

Jawab Raja Merah Hulubalang,

"Saya mari dari Tanah Ratang. Sa-Gedong Dua,
Saya pergi berjalan jauh menchari ayam yang baik.
Kerana negeri ayah abang di-langgar masok oleh
Megat Jenal hendak menyabong ayam,
Gedong emas ayah sudah boleh ka-Megat Jenal,
Gedong perak ayah sudah boleh ka-Megat Jenal,
Kerana adek saya Raja Alun Tujoh Belundang
Tujoh,
Saperang Belundang Perang bertaroh ayam gak."

Kata Megat Si-Gembang,

"Hai, abang, bawa harta banyak mana na' beli
ayam adek?"

Jawab Raja Merah Hulubalang,

"Ooh! Adek, abang bawa 7 kati emas".

Kata Megat Si-Gembang,

"Abang, 7 kati emas sah ta' padan,
Sebab ayam adek makan dalam batil emas batil
perak,
Tidor atas chenggong mas, chenggong perak,
Kalau abang ta' beli dengan tempat tidor, ta' beli
dengan tempat makan ayam saya,
Ayam saya ta' pergi-lah abang,
Tetapi bagini-lah abang,
Sementelah abang na' beradek kakak dengan saya,
Na' berkenal lama dengan saya,
Na' berkaseh sayang dengan saya,
Abang pinjam ayam adek-lah pergi menyabong
dengan Megat Jenal."

Jawab Raja Merah Hulubalang,

“Kalau mati ayam adek, abang ta’ ada ganti.”

Jawab pula Si-Gembang,

“Abang, biasa-nya, kalau dia ta’ baik, mati,

Kalau dia ta’ bertuah, mampus abang.

Abang ambil-lah bawa balek dalam negeri ayah
abang,

Kerana Megat Jenal dudok menanti,

Oh! Abang, ambil ayam pergi menyabong dengan

Megat Jenal,

Kalau abang pergi,

Ambil-lah rumput gelang sambal⁽⁴⁷⁾

Tambat di-hujung ekor-nya,

Bala-lah⁽⁴⁸⁾ ayam Megat Jenal tambat,

taji besi berani di-ratan kaki-nya.

Hah! Saya kasehan ayam saya abang.

Mithal-nya lepas masok, konon² patah paha sa-
belah ayam adek.

Wah! Maka sorak Megat Jenal

Belang²⁽⁴⁹⁾ di-kata jangan sorak, sebab anak

Raja menyabong.

Lepas itu konon² patah pula sa-belah sayap,

Maka sorak pula Megat Jenal abang, belang² kata
jangan sorak,

Sebab na’ kenal Raja mengambil Negeri,

Tiba² terkena gembong lalu pechah,

Maka ra’ayat Megat Jenal pun bersorak,

Abang kata jangan sorak,

Sebab itu na’ kenal anak Raja bunoh lawan,

Kalau bagitu sa-kali terjadi,

Hendak-lah abang ambil ayam adek,

Abang puleh ayam adek,

(47) *gelang sambal* — sa-jenis rumput yang berdaun panjang
dan halus.

(48) *bala* — biar.

(49) *belang²* — dalam.

Abang seru ayam adek,
Abang kata,
Ya, ya, diri senyap sedong pelangi
ayam sayangan,
Makanan padi renek sendiri,
Tempat tidor changgong mas changgong perak,
Bekas makan batil mas batil perak,
Mu dudok dalam ram menyapu awan,
Turun ka-bumi membunuh lawan,
Berkokok siang bertuah helang,
Berkokok malam bertuah musang,
Bila lagi na' tolong tuan mu?
Bila lagi na' sapu arang di-muka."

Sudah berkata² itu maka Raja Merah Hulubalang pun mengambil ayam dari Tuan Bongsu Megat Si-Gembang lalu di-bawa-nya balek ka-negeri Tanah Ratang Sa-Gedong Dua di-mana di-dapati-nya penoh di-hadap oleh sakalian ra'ayat dan bala tentera.

VII

SI-GEMBANG MENANG BERTIKAM

Sa-sampai-nya Raja Merah Hulubalang ka-negeri Tanah Ratang Sa-Gedong Dua maka ia pun terus pergi ka-halaman balai di-mana Megat Jenal sedia menanti dengan ayam-nya. Dia pun masok dalam bong⁽⁵⁰⁾ menyabong, dan kedua² ayam itu pun berlaga-lah kekok ka-kiri elak ka-kanan, kekok ka-kanan elak ka-kiri, hingga berbelit² rumput gelang sambal di-ekor ayam Megat Jenal tidak boleh melawan lagi lalu mati. Ada pun akan ayam Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, sa-telah mati-nya ayam Megat Jenal maka terbang-lah ia pulang ka-negeri To' Raja Lang.

Manakala di-lihat ayam-nya balek maka Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun hunggar getek jalan getek, maka jatuh, jatuh di-hadapan Megat Jenal dengan Raja Merah Hulubalang yang sedang dudok berbalah. Maka terdengar oleh Tuan Bongsu Megat Si-Gembang Megat Jenal berkata demikian.

“Mana-lah bertuah ayam mu,
Mana na' tengok,
Ayam mu jahat sungguh,
Orang berperang bersabong ayam,
Dia mamah makan ka-darah jin iblis mambang
peri,
Kepah makan ayam.”

(50) *bong* — kawasan tempat menyabong ayam yang di-lingkungi dengan buloh beranyam sa-tinggi dua kaki; Gelang-gang sabongan ayam.

Sedang mereka berbalah² itu, maka Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun menyampok seraya bertanya ia akan Raja Merah Hulubalang,

“Apa fasal berbalah²?”

Jawab di-kata Raja Merah Hulubalang,

“Megat Jenal kata bukan-nya menyabong ayam,
Tetapi jin mambang peri mamah makan ka-darah
ayam dia.”

Maka berkata Tuan Bongsu Megat Si-Gembang kepada Megat Jenal,

“Ini-lah Tuan ayam-nya.”

Jawab Megat Jenal,

“Betul royat orang,
Budak fe'el hudoh sangat,
Sebab itu orang kata jangan kira dengan budak,
Orang kechek⁽⁵¹⁾ dengan betul dia pulas.”

Maka terdengar itu Megat Si-Gembang pun chekak kilas tetapi Megat Jenal mula memanchong ka-kiri elak ka-kanan, panchong ka-kanan elak ka-kiri. Tetapi pada Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, bulu roma sa-urat pun tidak gugor. Dalam pada itu berkata Megat Jenal, dengan tertawa,

“Ha! Ha! Abang Megat Jenal berasa
lengoh saperti berperang dengan sa-puak musuh
Sa-hinggakan ta' boleh na' mengajar memanchong.”

Terdengar itu Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun men-
chabut pedang-nya yang besar lidah ayam itu serta di-
panchong-nya ka-kiri elak ka-kanan, panchong ka-kanan
elak ka-kiri panchong ka-bawah lompat naik, dan akhir-nya
Megat Jenal tersilap langkah dan terkena-lah tikaman Tuan
Bongsu Megat pada rusok-nya lalu mati. Dengan itu maka
rioh-rendah-lah sakalian yang menyaksikan.

(51) *kechek* — chakap.

Sa-lepas menyarong keris kechil-nya, berkata-lah Raja Merah Hulubalang,

“Ya adek,

Silakan naik adek di-balai di-halaman balai,
Makan tepong sa-mulut nasi sa-mulut,
Tepong sa-butir ala kadar.”

Tetapi jawab Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,

“Oh! Abang,

Saya ta' boleh naik ka-balai halaman balai,

Kerana kalau saya naik ka-atas balai,

Balai na' kebakaran,

Saya ta' boleh dudok di-negeri ini,

Kalau dudok, negeri nak kebakaran,

Negeri jadi padang jarak padang tekukor,

Bakar tiada berapi, karam tiada berayer,

Biar-lah anak di-kaseh, anak di-sayang sahaja
dudok di-atas balai.”

Demi terdengar sahaja oleh Paduka Seri Nara maka puchat puteh muka-nya lalu lari ia, lari hingga jatuh dalam jamban tahi, Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh Saperang Belundang Perang pun lari juga dan menyembunyikan dirinya di-bawah dapor.

Melihatkan itu Raja Merah Hulubalang pun datang marah dengan terlalu amat-nya. Lalu di-chari ia akan Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh, seraya berkata ia pada Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,

“Terserah-lah pada adek na' buat apa²,

Raja Alun Tujoh Belundang Tujoh,

Saperang Belundang Perang hendak di-kaseh
hendak di-sayang.

Di-kata-nya adek dengan hudoh² kata,

Kata-nya adek orang ta' bertuah, orang chelaka,

Di-hantok²-nya adek di-suroh-nya mati,

Tetapi adek orang bertuah,

Adek orang beruntung.”

Tetapi Tuan Bongsu Megat Si-Gembang maseh berdiam diri, ta' mahu ia naik ka-atas balai halaman balai, oleh kerana malu pada pintu² istana bekas di-hantok kepala-nya.

Sa-jurus maka hunggar ia dan masok pada rumah dapur serta di-dapati bonda-nya kurus kering saperti sa-pintal rambut, sedang pengsan, tidak khabarkan diri lagi. Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun mengambil ayer mawar lalu di-siramkan pada bonda-nya serta berkata,

“Ya bonda, tolong-lah bonda,
Harap-lah bonda, harap saya na' besar atas riba
bonda,
Harap saya na' besar atas dukong ayah,
Tapi besar saya di-sagenap Kubang Badak,
Besar di-atas pohon kayu,
Besar di-atas gunong,
Apa guna bonda dudok dalam bagini, oh, bonda !”

Sa-telah itu di-ambil-nya bonda Tuan Puteri Sa-andang Dewi balek pergi ka-negeri To' Raja Lang.

VIII

MENGEMBARA DENGAN AWANG SELAMAT

Maka tersebut pula kisah Tuan Puteri Sa-andang Bulan, apabila di-dapati-nya Tuan Bongsu Megat Si-Gembang tiada dalam negeri, maka dia pun runsing-lah lalu di-suroh-nya To' Raja Lang pergi menchari-nya. Dia marahkan To' Raja Lang kerana membenarkan anak pergi berperang musuh dengan pedang sa-bilah. Tetapi sa-belum To' Raja Lang turun pergi menchari, Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun sampai berserta dengan bonda-nya Tuan Puteri Sa-andang Dewi.

Apabila Tuan Bongsu dapati yang To' Raja Lang dan Tuan Puteri Sa-andang Bulan sedang berbalah² atas kehilangan-nya, maka ia pun berkata pada bonda Tuan Puteri Sa-andang Bulan,

"Ya bonda,

Saya pergi berperang musuh dan saya bernadzar bonda,

Jika saya menang bertaroh dengan Megat Jenal,
Ayah dan bonda makan nasi dua sa-pinggan,
Ayah na' tidor dengan bonda dua sa-bantal."

Terdengar itu maka Tuan Puteri Sa-andang Bulan pun gadoh gopoh terus pergi masok menanak nasi puteh lauk sedap² serta molek untok melepaskan niat. Sa-sudah makan maka terpaksa-lah tidor dua sa-bantal, dan apabila jendera

ayah dan bonda, Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun mengambil tangan bonda-nya lalu di-letak di-atas riba-nya. Tuan Puteri Sa-andang Bulan pun terkejut dari tidor-nya, lalu berkata,

“Bertuah sungguh anak kita To’ Raja Lang,
Beruntong sungguh anak kita To’ Raja Lang,
Takut kita balah lama, takut kita kelahi lama,
di-buat lolok⁽⁵²⁾ kata-nya dia berniat.”

Sa-telah itu Megat Si-Gembang pun dudok-lah ber-suka²an dengan ayah dan kedua² bonda-nya.

Tidak lama kemudian Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun teringin hendak pergi mengembara lalu di-royat-nya kepada bonda Tuan Puteri Sa-andang Bulan,

“Ya bonda,
Saya ta’ boleh dudok di-negeri ini,
Saya na’ kenal mata chupak mata daching negeri
orang.”

Kata Tuan Puteri Sa-andang Bulan,

“Nik kechil lagi, bodoh lagi,
Ta’ usah-lah mengembara Nik.”
Kalau Nik na’ bernikah kahwin,
Anak To’ Sedeka itu banyak belana².”

Maka jawab Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,

“Anak To’ Sedeka nak buat apa bonda?
Ta’ boleh di-buat anak bini,
Rambut ikal, pinggang ramping bulu mata lentek,
pileh to’ laki⁽⁵³⁾
Bibir mulut tebal — mengupat to’ mertua,
Betis besar bagai tiang rumah,
Bulu roma berlubang — keras perut,
Ponggong tajam — berak malam.”

(52) *lolok* — bohong, olak².

(53) *to’ laki* — (Klt.n.) suami.

Kata Tuan Puteri Sa-andang Bulan,

"Oh Nik, jangan kata bagitu Nik,

Anak orang bertuah,

Anak orang beruntung,

Punah renah, punah tanah, chedera chachat
anak² muda orang.

Oh Nik, bonda beruntung sungguh molek sungguh,
Sebab anak na' mengembara — na' kenal mata
daching,

Tetapi na' pergi dengan siapa?"

"Na' pergi dengan Awang Selamat bonda," jawab Tuan
Bongsu Megat Si-Gembang.

Maka Awang Selamat pun di-kejut jaga dari tidor-nya
dan di-royat fasal Tuan Bongsu Megat Si-Gembang bendak
pergi mengembara itu. Maka bekal² pun di-siap-lah. Bekal
Tuan Bongsu Megat Si-Gembang ia-lah sa-chepu emas dan
pakaian² baju pelangi serong dan kain chindai.

Sa-telah itu maka mengembara-lah mereka, genap tujuh
hari tujuh malam, maka sampai-lah mereka pada negeri
Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor. Sa-sampai-nya,
Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun berasa lapar, lalu
pada Awang Selamat di-minta-nya,

"Pada saya-lah Awang, lapar-lah saya,

Mari-lah Awang makanan bonda saya sudah beri."

Jawab Awang Selamat,

"Bonda beri ka-Awang hanya gajah dua ekor,

Dan tanah untok di-simpan, makanan tiada."

Dengan penat-nya Tuan Bongsu Megat Si-Gembang me-
ngeloh,

"Oh! Awang,

Oh! Dahaga-nya Awang, lapar-nya saya."

Dalam pada itu sampai-lah waktu dinihari, maka ayam
Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun berkokok-lah dua belas
bangsa dua belas ragam, dan suara-nya itu terdengar-lah

pada Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor yang sedang tidor dalam istana, langsung terkejut dan berkata pada inang-nya,

“Saya terdengar saperti bunyi ayam berkokok —
dua belas bangsa dua belas ragam, suara-nya
terlalu amat molek.”

Tersebut-lah pula pada ketika itu juga Awang Selamat sedang menchuri masuk dalam kebun istana. Maka berjalan-lah ia dalam bulan cherah puteh, lalu sampai-lah pada sa-pohon rambutan lokoh⁽⁵⁴⁾. Dengan tidak lengah lagi Awang Selamat pun mengambil sa-tangkai buah rambutan, lepas sa-tangkai sa-tangkai lagi, hinggakan daun, dahan dan ranting-nya habis sa-kali di-makan-nya. Sa-sudah itu maka dudok-lah ia tidor baring di-bawah pohon rambutan itu.

Tersebut pula kesah Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor, telah keesokan hari-nya maka berkata ia pada inang-nya,

“Ya inang, mu ta’ dengar-kah inang,
Suara ayam berkokok bunyi dua belas bangsa
dan dua belas ragam,
Saya teringat ayah saya pesan, bonda saya amanah,
yang ayam sebalah⁽⁵⁵⁾ itu tidak lain daripada
ayam Megat Si-Gembang,
Megat Si-Gembang pintar orang-nya,
Belum lagi berbini, salah-nya saya sudah bertunang
dengan Megat Sepili-lah inang.”

Dengan itu tersangat-lah rindu-nya Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor akan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, lalu berkata ia pada inang-nya,

“Mu pergi-lah inang dalam kebun bunga,
Pergi chari rambutan lokoh
Kerana saya na’ makan rambutan lokoh.”

(54) *lokoh* — lekang.
(55) *sebalah* — sa-macam.

Maka inang pun pergi-lah ambil galah sa-batang, langsung pergi ka-pohon rambutan seraya di-lenggak²-nya ka-atas. Tetapi usahkan masak, putek pun tiada, usahkan putek, daun pun tiada, usahkan daun ranting pun tiada, dan dalam pada itu di-dapati-nya terbaring di-bawah pohon rambutan,

“Na’ katakan hantu ta’ hantu,
na’ katakan gajah ta’ gajah,
na’ katakan manusia ta’ manusia.”

Maka inang pun hinggah-lah balek kapada Tuan Puteri, lalu berkata,

“Oh! Tuanku, apa benda-nya,
Na’ katakan hantu bukan hantu,
Na’ di-katakan Raja bukan Raja.”

Tersebut-lah pula Awang Selamat, yang ia pun tersedar daripada tidor-nya lalu pergi mengadap Tuan Bongsu Megat Si-Gembang. Hajat mereka hendak masuk ka-atas balai, maka lalu berangkat-lah mereka kedua masuk ka-balai Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor.

Sa-masok-nya ka-balai, Tuan Bongsu Megat Si-Gembang melihat inang², dayang² semua-nya molek, semua-nya chomel putih kuning, sa-emas muda, saperti baharu lepas di-gilat. Melihat kedua² itu maka Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor pun berkata pada Awang Selamat,

“Ya Awang, dudok-lah Awang, saya na’ royat sa-patah.

Negeri ini sedang bekerja empat puluh hari empat puluh malam.

Kerana Megat Sepili na’ kahwin dengan saya.”

Maka Awang Selamat pun menjawab kata-nya,

“Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun boleh tolong main getek,

Boleh main joget topeng.”

Maka ia pun bawa keluar-lah segala pakaian yang bonda-nya amanah, di-pakai-nya seluar beracheh, bertekat dengan benang emas, perbuatan Hindustan dan kain pelangi serong, perbuatan bonda-nya Puteri Sa-andang Bulan. Kain chindai, pemberian Tuan Puteri Sa-andang Dewi di-buat-nya bekong tiga lilit, dan mahkota Kerajaan pemberian To' Raja Lang melayang besar di-atas kepala.

Lalu mereka pun bermain-lah, tari menari, pantun memantun dua belas ragam. Awang Selamat pun memalu gendang dan di-palu-nya dua belas bangsa dua belas ragam. Sa-sudah-nya terdengar-lah tepok sorak orang akan permainan Awang Selamat itu, termasuk-lah juga Megat Sepili. Tetapi dengan ta' semena² semua pelita² pun padam dan sakalian orang² pun riuh-rendah-lah oleh kerana kegelapan. Megat Sepili waktu itu ada tersandar di-tiang balai dengan keris sa-bilah dudok menunggu Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor, manakala Megat Si-Gembang terus masuk ka-dalam istana, dan sama² tidor dengan Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor, ulit berulit, pantun memantun.

Sa-telah di-ketahui-nya oleh Megat Sepili akan hal keadaan itu maka dia pun berasa panas hati oleh kerana dia bekerja empat puluh hari empat puluh malam untuk bernikah, datang sekarang ini Tuan Bongsu Megat Si-Gembang terus masuk ka-dalam istana. Maka Megat Sepili pun hunggar-lah pergi ka-pintu istana seraya menyeru,

"Ya Tuanku Megat Si-Gembang,
Mari-lah keluar kita bermain keris."

Jawab Tuan Bongsu Megat Si-Gembang,

"Oh! Abang, saya ta' pandai bertikam abang,
Saya ta' pandai berperang,
Sila-lah abang mari masuk ka-dalam,
Mari-lah abang riba sa-belah tangan kiri
saya riba sa-belah kanan,
Sila-lah abang ambil tunang abang.

Kalau sungguh abang kaseh,
Saya na' buat apa orang molek orang chomel,
Kerana saya orang jahat budi, hudoh perangai."

Terdengar itu makin panas lagi hati Megat Sepili, lalu di-panggil-nya lagi keluar tetapi tidak juga keluar. Akhir-nya di-tendang-nya pintu istana tetapi tidak terpechah. Lagi sa-kali di-panggil-nya keluar, dan keluar-lah Megat Si-Gembang langsung bertentang muka dengan Megat Sepili. Akhir-nya Megat Sepili terkena tikam, langsung rebah lalu mati.

IX

BALEK KA-NEGERI KELANTAN

Sa-telah tidak berapa lama Tuan Bongsu Megat Si-Gembang berada dalam negeri Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor, maka pada suatu hari berkata-lah ia,

“Sudah 3 bulan kanda di-sini,
Makan kenyang, tidor jendera, selimut
selindong, mandi basah,
Sekarang abang na' pergi mengembara, na' kenal
mata chupak mata daching, negeri orang.”

Jawab Tuan Puteri Jagat Jaga Bintang Timor,

“Ya abang,
Saya sekarang dalam rimbitan tiga bulan,
Berapa lama abang na' pergi.”

Kata Megat Si-Gembang,

“Jikalau adinda mendapat anak lelaki dalam sa-
peninggalan kanda, dinda beri-lah nama
Megat Sulong.”

Sa-lepas itu maka Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun mengembara-lah bersama Awang Selamat dan ayam-nya.

Dalam pengembaraan itu maka sampai-lah mereka pada Negeri Che' Siti Jarum Bergiling yang mempunyai rambut yang panjang, hingga tersangkut di-ibu kaki. Ayah bonda-nya sudah pun mati. Sedang mereka berada dalam negeri itu, terlihat-lah mereka akan sa-buah jong di-pantai kepunyaan Che' Siti Jarum Bergiling. Ingin mereka mem-

beli-nya, lalu di-suroh-nya sa-orang tua pergi menanya Che' Siti sama ada dia hendak menjual-nya atau pun tidak. Orang tua itu pun pergi-lah berjumpa dengan Che' Siti seraya berkata,

"Mahu-kah Che' Siti jualkan jong itu,
Kerana ada orang dua berhamba hendak membeli-nya."

Jawab Che' Siti,

"Kalau kebetulan harga hendak-lah di-jual."
"Berapa-kah harga jong" tanya orang tua itu,
"Tujuh kati mas harga-nya," sahut Che' Siti.

Sa-telah di-beritahu akan harga jong itu kepada Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, maka ia pun beri-lah tujuh kati mas kepada orang tua itu sa-bagai bayaran harga jong tersebut.

Sa-telah selesai jual beli itu maka Megat Si-Gembang dan Awang Selamat pun pergi-lah menuju kepada jong kerana hendak di-tolak turun ka-laut, tetapi jong itu tidak mahu bergerak. Maka Awang Selamat pun meminta kapak, meminta golok hendak di-belah-nya. Sa-kali lagi di-suroh-nya orang tua itu pergi mengadap Che' Siti Jarum Bergiling, orang tua itu pun pergi-lah seraya berdatang sembah,

"Ya duli tuanku,
Orang dua hamba berchuchu itu suroh saya minta kapak yang besar, golok yang besar kerana mereka na' belah jong — na' tolak ta' rok⁽⁵⁶⁾."

Jawab Che' Siti,

"Pergi-lah Wan mu royat kepada dia,
Kata saya tambat jong, saya ta' buka tambatan asal."

Sa-lepas itu Che' Siti Jarum Bergiling pun mengerahkan tujuh orang yang sedang bunting untok di-buat galang. Ketujuh² orang ini di-ator-nya di-bawah jong. Manakala

(56) ta' rok — ta' larat.

Megat Si-Gembang dan Awang Selamat menaiki-nya, sa-kalian ibu bapa, adek-beradek puak kaum ketujuh² orang itu habis teriak (57) oleh kerana sedeh-nya.

Apabila telah siap semua-nya maka berseru-lah Che' Siti Jarum Bergiling,

"Hai jong yang berlunaskan kayu merbau dalong,
Pada masa menebang kayu merbau, bonda saya
mati,

Tatkala menarah lunas, ayah saya mati,

Tatkala sudah jong, ketujuh² tukang habis mati,

Maka sekarang keluar-lah mu jong dari pengkalan
Selanjut Bunga."

Che' Siti pun menepokkan tangan-nya tiga kali dengan sa-kuat²-nya, maka turun-lah bah besar, ketika itu juga maka berdengong²-lah turun jong mengadap ka-timor. Sa-lepas itu ketujuh² orang yang bunting itu pun bersalin-lah lepas saorang² dengan tiada beroleh chedera apa².

Tersebut-lah kesah Tuan Bongsu Megat Si-Gembang di-dalam jong itu sa-lama tujuh hari tujuh malam ta' makan nasi sa-mulut, tepong sa-butir oleh kerana teringatkan Che' Siti Jarum Bergiling. Bagitu juga pada Che' Siti. Dia berdiri melihat jong itu hingga hilang dari pemandangan-nya. Teringat ia akan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, dan ia berfikir, alang-kah elok-nya kalau dapat di-buat suami-nya, molek sama molek, chomel sama chomel? Dengan itu dia pun menangis, dan tatkala Tuan Bongsu menangis di-dalam jong di-tengah laut Che' Siti menangis di-dalam istana!

Oleh kerana terlalu sangat rindu-nya akan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, maka di-ambil oleh Che' Siti Jarum Bergiling sa-kuntum bunga, di-huraikan rambut-nya lalu di-putarkan tiga kali dan sa-ketika itu juga terdengar bunyi berdengong — bunyi kembali-nya jong ka-pengkalan. Hal ini di-ketahui oleh Awang Selamat, dan untok membalas

(57) *teriak* — (Kltu.) *menangis*.

kesaktian-nya itu Awang Selamat pun menchitakan sa-ekor anak seluang emas, lalu di-lepaskan turun ka-dalam ayer di-pengkalan Selanjut Bunga.

Tersebut-lah pula Che' Siti Jarum Bergiling dan inang-nya ada turun mandi di-pengkalan Selanjut Bunga. Tengah² mandi itu maka anak seluang pun terkuap², terkudip² datang bermain di-hadapan Che' Siti. Maka Che' Siti pun berkenan-lah akan anak seluang itu seraya berkata kapada inang-nya,

“Oh Inang, tangkapkan anak seluang emas itu,
Saya na' anak seluang emas,
Kalau saya ta' boleh anak seluang emas,
Makan ta' kenyang, tidor ta' jendera.”

Maka inang pun pergi-lah hendak higap tetapi tidak boleh. Lalu Che' Siti sendiri pula pergi menghigap-nya, tetapi malang anak seluang itu menggigit kepala susu Che' Siti, langsung menjerit-lah ia kesakitan, oleh kerana sakit terlalu amat sakit-nya, maka inang pun pergi-lah memanggil tabib, bomoh, tetapi tidak juga sia⁽⁵⁸⁾ akhir-nya di-panggil Awang Selamat suroh berubat. Maka Awang Selamat pun buat ayer tawar dan di-suroh-nya Che' Siti minum. Sa-telah minum sahaja bisa pun hilang tetapi kaseh-nya pada Tuan Bongsu Megat Si-Gembang makin bertambah². Sa-telah itu Awang Selamat pun pergi mengadap Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, dan di-dapati-nya Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun berada dalam keadaan yang sama juga.

Selang tidak berapa lama, negeri Che' Siti Jarum Bergiling pun bersiap² hendak bekerja sa-lama empat puluh hari empat puluh malam untuk menandakan hari perkahwinan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang dengan Che' Siti Jarum Bergiling.

Di-dalam istana kelihatan Che' Siti menyuroh inang²-nya bersiap,

(58) *sia* — *sembah*

“Inang, siapkan istana inang, kerana
Saya na’ panggil orang naik ka-dalam,
Saya na’ panggil orang dalam jong,
Saya beruntong inang, kerana dia Raja molek,
Tuan Bongsu Megat Si-Gembang, seperti
Kunyit dengan kapor,
Kerah-lah Mahmud, kerah laksamana,
Sakalian darat dara,
Kerana kita hendak bekerja besar,
Hendak sembeleh lembu kerbau, ayam itek,
kambing biri².”

Sa-telah itu maka riuh-lah dengan jamu²an, minum²an menandakan perkahwinan Tuan Bongsu Megat Si-Gembang dengan Che’ Siti Jarum Bergiling.

Sa-telah chukup-lah empat puluh hari empat puluh malam bekerja itu, Tuan Bongsu Megat Si-Gembang pun mengajak-lah Che’ Siti balek ka-negeri Kelantan, kerana hendak mengembara lagi, mengenal mata chupak mata daching negeri orang. Oleh itu pada ketika yang baik, mereka kedua pun belayar-lah menuju ka-negeri Kelantan, dengan menaiki jong dengan di-hantarkan oleh sakalian ra’ayat isi negeri-nya.

TAMAT